



28 APR, 2025

TNB mampu tingkat keupayaan bidang tenaga di luar negara - Fadillah

Sinar Harian, Malaysia



TNB mampu tingkat keupayaan bidang tenaga di luar negara – Fadillah

NEWCASTLE - Tenaga Nasional Bhd (TNB) mampu mengembangkan dan terus meningkatkan keupayaannya dalam bidang tenaga di luar negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, pelaburan TNB dalam syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) di sini menunjukkan kemampuan syarikat Malaysia untuk melabur dan mengembangkan sayap di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, pelaburan tersebut dibuat menerusi syarikat milik penuh TNB, Vantage RE Ltd (Vantage RE).

"Syabas dan tahniah kepada TNB kerana telah meneroka serta mengembangkan sayap mereka ke peringkat antarabangsa, khususnya di United Kingdom (UK). UK ini luas termasuklah di Ireland, Scotland dan sebagainya.

"Ia menunjukkan kemampuan syarikat Malaysia yang akhirnya memberi pulangan bukan sahaja kepada TNB, malah kepada negara dari segi pelaburan luar," katanya kepada pemberita selepas melawat Blyth Offshore Windfarm di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Pegawai Tenaga Baharu TNB, Mohd Zarihi Mohd Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy Bhd, Datuk Sharbini Suhaili.

Fadillah berharap lebih banyak syarikat terutamanya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) melihat potensi pelaburan di luar negara.

Ladang angin luar pesisir berkapasiti 41.5 megawatt (MW) dan mula beroperasi pada 2017 itu terletak kira-kira 6.5 kilometer dari pesisir pantai. Vantage RE memiliki 49 peratus pegangan saham BODL yang merupakan pemilik ladang tersebut.



Fadillah (kanan) dan Mohd Zarihi ditemui media selepas melawat Blyth Offshore Windfarm, Newcastle pada Sabtu.

Vantage RE mengendalikan dan membangunkan portfolio aset tenaga boleh baharu (TBB) TNB sebanyak 1.3 gigawatt (GW) di UK serta Ireland. Pengurusan dan pembangunan aset TBB itu melibatkan kepakaran TNB bersama-sama kemahiran tempatan di UK.

Baru-baru ini, Vantage RE juga telah membina 100 MW la-

dang solar di UK yang akan dilengkapi dengan sistem penyimpanan bateri tenaga (BESS) pada masa depan.

Dengan kemahiran yang diperolehi, TNB akan dapat menerajui dan menjadi pemangkin industri RE di Malaysia.

Mengenai penyertaan negara pada Sidang Kemuncak mengenai Keselamatan Tenaga se-

lama dua hari di Lancaster House yang berakhir pada Jumaat, Fadillah berkata, ia peluang terbaik untuk Malaysia mempelajari teknologi terkini mengenai tenaga baharu.

"Ia peluang terbaik untuk negara bukan sahaja untuk belajar, malah pada masa sama mengembangkan dan berkongsi pengalaman dengan negara lain. Inilah peluang untuk syarikat kita mengembangkan sayap mereka," katanya.

Selain itu, beliau berkata, sidang kemuncak tersebut memberi peluang kepada Malaysia untuk menyuarakan komitmen terhadap penjagaan alam sekitar, mengembangkan jalinan dari segi teknologi dan kepakaran.

Sidang kemuncak itu dianjurkan oleh Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) dan kerajaan UK serta menghimpunkan pembuat keputusan global bagi merangka serta membentuk tindakan ke arah masa depan keselamatan tenaga. - *Bernama*